

Lima lagi 'import' influenza A

KOSMO 16/06/09 M/S 9

Oleh SAIFUL AFFENDY SAPRAN
saiful.sapran@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan kini mengesan lima lagi kes terbaru influenza A (H1N1) di negara ini sehingga semalam dengan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 17 kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican berkata, semua 17 kes tersebut adalah merupakan kes import.

Menurut beliau, kes ke-13 dikenal pasti daripada seorang pelajar lelaki warganegara Malaysia berusia 12

tahun yang telah bercuti selama lima hari di Manila, Filipina bermula 8 hingga 13 Jun bersama tiga anggota keluarganya.

Pesakit itu pulang ke negara ini dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pukul 7.05 petang 13 Jun lalu melalui penerbangan terus MH705.

"Beliau disahkan demam semasa saringan di KLIA di samping mempunyai simptom batuk dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh pada 14 Jun pukul 3.30 petang dan rawatan *antiviral* telah bermula," katanya dalam satu kenyataan se-

malam.

Mohd. Ismail berkata, kes ke-14 pula melibatkan seorang pelancong lelaki dari Britain berusia 25 tahun yang tiba di negara ini pada pukul 9.35 pagi 8 Jun lalu menaiki pesawat EK342 dari Dubai.

Katanya, kes ke-15 pula merupakan seorang pelajar lelaki tempatan berusia 16 tahun yang tiba di negara ini untuk bercuti pada 13 Jun pukul 7.30 petang dengan menaiki pesawat Jet Star Airline 3K687 dari Singapura.

"Beliau merupakan pelajar di Melbourne dan mempunyai sejarah per-

jalanan ke Sydney pada 9 Jun seterusnya ke Singapura dengan penerbangan Qantas QS319 pukul 5 petang sebelum tiba ke Malaysia pada 13 Jun," katanya.

Dalam pada itu, kes ke-16 pula membabitkan pelajar perempuan berusia 14 tahun pemastautin Amerika Syarikat yang berkunjung ke negara ini untuk melawat keluarga di Kota Kinabalu dengan penerbangan MH385 dari Hong Kong pada pukul 6.10 petang 13 Jun lalu.

"Beliau dikesan dan disahkan demam semasa saringan di Lapangan Terbang Kota Kinabalu di samping

mempunyai simptom batuk," jelas Mohd. Ismail.

Mohd. Ismail berkata, kes ke-17 membabitkan seorang wanita warganegara Malaysia berusia 26 tahun yang telah melancong ke Melbourne, Australia pada 4 hingga 13 Jun dengan menaiki pesawat AirAsia X D7 2723 dan tiba di Terminal Penerbangan Tambang Murah pada 7.15 pagi 13 Jun.

Pesakit itu dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh pada 14 Jun sebelum disahkan menghidap influenza A pada pukul 12.35 tengah hari semalam.